

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 19 November 1960 > Page 1 > 200 na' mogok lapar kerana Hamid Tuah: Jumpa MB hari ini

200 na' mogok lapar kerana Hamid Tuah: Jumpa MB hari ini

Berita Harian, 19 November 1960, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL8144

★ Add to Citation

[Previous Article](#)[Next Article](#)[Previous Page](#)[Next Page](#)

200 na' mogok lapar kerana Hamid Tuah: Jumpa MB hari ini

KUALA LUMPUR, Juma'at.
LEGEN dari 200 orang Melayu di-Sungai Sireh dekat Kuala Selangor, akan melancarkan mogok lapar kalau sa-kira-nya pemimpin mereka, Abdul Hamid bin Haji Tuah, 43, tidak di-bebaskan daripada penjara Pudu di-sini.

Kerajaan Selangor telah menahan Abdul Hamid pada bulan yang lalu kerana beliau menjadi kepala orang2 yang membuka tanah Kerajaan dekat Tanjong Karang tanpa izin Kerajaan.

Pada petang esok, 20 orang daripada penduduk2 itu akan "berpiket" di-hadapan rumah Menteri Besar di-Princes Road di-sini untuk mengemukakan tuntutan mereka yang akhir, sa-belum melancarkan mogok lapar mereka.

Mereka menda'awa dan menuntut:—

● Tuisahan2 yang menyatakan mereka menebang hutan dan kayu2 besar serta memutuskan ban tali ayer itu tidak-lah benar;

Chara berjuang

● Menteri Besar harus datang sendiri menyaksikan tanah yang telah di-buka oleh mereka; adakah benar tanah itu tanah hutan atau kawasan sawah

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
19 November 1960Reel Number:
NL8144[Scroll to Top](#)

Share

Table of Contents

[< Previous](#) | [Page 1](#) | [Next >](#)

Nama Akhbar

BERITA HARIAN ASBBan «amsa mattaya No. 1059.
SABTU, 19 NOYEMBK, M JAMADIL-AWAL, 1330. I

Tiada berjudul

OINGAPURA, Juma'at. m —Porsain jan yang telah lama berlaku antara dua persatuan buroh dalam lapangan

Undi wanita2 Jepun di-pujuk

Undi wanita2 Jepun di-pujuk Reuter TOKYO, Juma'at—
Chaluni untuk merebut 467 buah kerusi Parlemen Jepun

SURAT2 DARI CONGO

LAMBAT

[View Full Table of Contents](#)

yang telah sedia di-buka:

● Abdul Hamid Tuah, ketua mereka, hendaklah di-bebaskan dari tahanan atau pun di-biharakan dengan segera.

Isteri Abdul Hamid, Shari-fah Mahani binte Syed Hamzah Aidid semalam telah datang menemui orang2 kampung itu untuk membinchangkan ranchangan mereka.

Sa-orang juruchakap penduduk2 itu, Yahaya Zainuddin, berkata: Chara memperjuangkan nasib kami ialah dengan menunjukkan perasaan kami kepada Menteri Besar."

Tongah bin Sulong, wakil pemuda penduduk2 itu berkata:

"Kalau kami tidak berhasil dengan tuntutan akhir kami itu, kami akan mogok lapar."

Sa-tengah2 mereka menearangkan bahawa semenjak pemimpin mereka di-tangkap, mereka tidak di-benarkan oleh ketua kampung itu untuk menajak dan mendiami sawah2 mereka.

Ganti b. Tara, 60 tahun, berkata bahawa dia telah di-suruh keluar daripada kampung itu.

Ganti berkata: "Saya tidak akan keluar dan berhenti mengusahakan tanah ini kerana saya telah mengerjakan sawah ini semenangan tidak pernah di-larang

oleh Kerajaan."

Bila di-tanya oleh wakil Berita Harian, ada-kah dia membayar chukai tanah yang di-dudokki-nya itu kepada Kerajaan, Ganti menjawab:

"Tidak pernah kerana Kerajaan tidak sa-kali pun datang meminta chukai".

Berita Harian di-beri tahu oleh Yahaya Zainuddin ba-

hawa tanah yang di-buka oleh 227 orang penduduk itu sa-luas 640 ekar.

"Tanah itu telah di-diami oleh orang2 Kubu itu semenjak lebeh 10 tahun", kata-nya.

Bellau menyesalkan tuduhan2 bahawa tanah yang di-buka mereka ialah tanah yang maseh hutan.

"Kami mengerjakan tanah yang telah berseh dan kami hanya hendak memasokkan ayer kerana kawasan ini kekurangan ayer tiap2 tahun", tegas Yahaya.

Sedia terima

Kerana itu-lah, kata-nya lagi, mereka terpaksa menggali parit kepongan supaya ayer dapat bertakong.

"Kami tidak berniat hendak memutuskan ban tali ayer besar", kata-nya.

Di-tanya apa-kah mereka sanggup menerima tanah lain di-bawah rancangan kemajuan tanah, mereka berkata: "Kami sudah tentu sedia menerima tanah2 lain tetapi dengan syarat kami dapat tinggal terus di Sungai Sireh".

Sa-orang juruchakap Kerajaan berkata bahawa jumlah orang2 yang membuka tanah itu tanpa kebenaran Kerajaan berjumlah 400 orang.



ABDUL HAMID

Related Articles

No related article found.

